

AS, Britain akui peranan OIC

Oleh Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Amerika Syarikat (AS) dan Britain mengakui Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mempunyai peranan bermakna untuk mencari jalan penyelesaian konflik di Iraq dan Palestin, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua kuasa besar itu mengharapkan OIC yang kini dipengerusikan Malaysia, untuk melaksanakan peranan berkenaan sebaik-baiknya.

Perkara itu disampaikan Presiden AS, George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair dalam jawapan balas kepada surat yang beliau hantar kepada mereka baru-baru ini.

"Blair dalam suratnya memang mengakui OIC ada peranan dan beliau mengharapkan peranan itu dapat dilaksanakan sebaik-baiknya supaya keamanan dapat dicapai.


"Presiden Bush juga menghantar surat jawapan kepada saya dan mempunyai *tone* yang sama. Ertinya mengakui OIC boleh melaksanakan peranannya dalam usaha mencari penyelesaian," katanya pada sidang akhbar di Wisma Putra semalam.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan tertutup dengan pegawai kanan Kementerian Luar termasuk Menteri, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Pada 14 April lalu, Perdana Menteri mengutuskan surat kepada lima pemimpin negara anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kebimbangan Malaysia dan OIC terhadap perkembangan terbaru di Iraq.

Selain Amerika dan Britain, surat berkenaan dihantar kepada Presiden Perancis, Jacques Chirac; Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden Republik Rakyat China, Hu Jintao.

Dalam surat itu, Abdullah melancarkan harapan supaya tidak ada



ABDULLAH mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Negara yang pertama di Kompleks Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan menteri Kabinet - Gambar oleh Mahayudin Mohamad

tindakan yang boleh menghalang atau menggugat pelan Pihak Berkuasa Sementara (CPA) bagi mengembalikan kedaulatan Iraq dan fakyatnya.

Pada 16 April lalu, Perdana Menteri turut mengutuskan surat kepada Amerika, Britain dan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan berhubung kebimbangan mengenai perkembangan terbaru di Palestin.

Abdullah berkata, selain mengakui peranan OIC, kedua-dua pemimpin itu menyatakan pendirian masing-masing berhubung isu di Iraq dan Palestin.

"Bush turut menjelaskan pendiriannya berhubung isu lain khususnya mengenai kegunaan senjata nuklear," katanya.

Ditanya sejauh mana kenyataan

kedua-dua pemimpin itu boleh membantu menyelesaikan konflik di negara berkenaan, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan OIC akan terus berusaha termasuk menemui pemimpin itu.

Malaysia akan mengetuai beberapa menteri luar OIC untuk mengadakan pertemuan dengan kumpulan empat pihak (the quartet) yang terbabit menggerakkan pelan damai Asia Barat. Empat pihak itu adalah Amerika, Britain, Kesatuan Eropah dan PBB.

Pada pertemuan itu, mereka akan menyatakan pendirian OIC yang mahu konflik diselesaikan sebaik-baiknya dan seterusnya membantu mengembalikan hak rakyat Palestin, selain menghentikan kegunaan senjata nuklear.

Perdana Menteri turut mengalu-

alukan pelantikan Wakil Khas PBB, Lakhdar Brahimi ke Iraq dan berharap ia menjadi langkah pertama untuk badan dunia itu memainkan peranan lebih besar di negara itu.

Mengenai tindakan rejim Israel yang mahu menghapuskan Presiden Yasser Arafat, Abdullah berkata, ia adalah pendirian yang tidak diterima oleh mana-mana pihak.

"Itu satu kenyataan dan pendirian Sharon (Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon) yang tidak boleh diterima oleh mana-mana pihak sekalipun. Dia tidak boleh membuat kenyataan begitu dengan menyatakan niat untuk membunuh seorang pemimpin kerajaan... pemimpin bangsa Palestin yang dilantik dengan kehendak rakyat Palestin.

"Ugutan itu menunjukkan Israel

tidak mempedulikan langsung hal berkaitan undang-undang antarabangsa, bahkan mahu menjalankan apa saja mengikut kehendak sendiri. Jadi, ini tidak dapat diterima," katanya.

Perdana Menteri berkata, menteri luar OIC yang akan mengadakan pertemuan dengan kumpulan empat tidak lama lagi perlu memberi perhatian terhadap perkara itu.

"Ini adalah ugutan dan kalau dilakukan ia membawa kepada situasi yang lebih buruk daripada apa yang dapat dilihat di Palestin sekarang," katanya.

Jumaat lalu, Sharon menerusi stesen televisyen Israel, *Channel Two*, berkata beliau tidak lagi berasa terikat dengan janjinya bersama Bush tiga tahun lalu untuk tidak mencecerkan atau menyerang Arafat.